

## Implikasi Falsafah Barat ke atas Falsafah Pendidikan Kebangsaan

*Emeliana binti Elias*

### ABSTRAK

Sejarah dan perubahan yang berlaku dalam aliran-aliran falsafah pendidikan cukup menarik dan indah untuk dipelajari dan diambil iktibar. Ini membuktikan bahawa peranan pendidikan cukup besar dalam pembangunan manusia dan tamadun. Asas pemikiran aliran-aliran falsafah ini terdapat banyak perkaitan dengan falsafah pendidikan kebangsaan. Artikel ini membincangkan falsafah barat yang dijadikan sebagai asas kepada falsafah pendidikan. Oleh itu, persoalan yang ingin dijawab melalui penulisan ini ialah apakah implikasi-implikasi falsafah barat ke atas falsafah pendidikan kebangsaan kita. Apakah jenis implikasi falsafah barat yang boleh membawa kepada asas penggubalan falsafah pendidikan Negara. Ekoran daripada itu, satu analisis deskriptif berkenaan dengan implikasi falsafah barat ke atas falsafah pendidikan kebangsaan diberikan dengan lebih lanjut. Biar apapun aliran falsafah yang diikuti, yang pasti dan jelas matlamat falsafah pendidikan kebangsaan adalah dapat mendidik pelajar menjadi insan yang benar-benar baik dan sesuai dengan statusnya sebagai khalifah.

### ABSTRACT

*History and the changes that occur in streams of philosophy of education is quite interesting. This proves that the role of education in the great human development and civilization. There are many of national education philosophy with the basic philosophical currents of thought. This article discusses the philosophy of the west which was used as the basis of the philosophy of education. Thus, the question to be answered by this study is whether the implications of Western philosophy on the national education philosophy. What kind of implications of Western philosophy that can lead to the formulation of the basic philosophy of education. Consequently, a descriptive analysis on the implications of Western philosophy on the national philosophy of education is given further. Whatever the philosophy that followed the flow, which defined and clear objectives of the national education philosophy is to educate students to become human and appropriate to their status as inheritors.*

### Pendahuluan

Falsafah pendidikan digubal bertujuan untuk melahirkan insan yang memberi sumbangan kepada kemakmuran Negara. Istilah falsafah berasal daripada dua perkataan Yunani iaitu *philos* dan *Sophia*. *Philos* bermaksud mencintai manakala *Sophia* pula bermaksud kebijaksanaan. Kesimpulannya, falsafah diertikan sebagai perihal mencintai kebijaksanaan (Mok Soon Sang, 2010). Tujuan falsafah ialah mencari dan membuktikan kebenaran dan memberi arah tujuan atau pedoman untuk perkara-perkara yang penting dalam kehidupan. Konsep pendidikan di Malaysia boleh ditafsir daripada Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang telah diumumkan secara rasmi pada tahun 1988. Falsafah Pendidikan Kebangsaan akan menentukan arah haluan, asas dan sumber aspirasi kepada semua usaha dan rancangan dalam bidang pendidikan (Tajul dan Noraini, 1992). Pendidikan pula bermaksud proses atau aktiviti untuk mengembangkan jasmani, emosi, rohani, intelek dan

sosial (JERIS) untuk menambahkan kemahiran, kebolehan dan pengetahuan supaya dapat memberi kebahagiaan, faedah dan kemajuan dalam hidup dan dapat bertindak rasional untuk diri sendiri, bangsa dan agama (Annick, 1999). Pendidikan merupakan proses perubahan manusia untuk mencapai aktualisasi diri atau dengan kata lain mencapai kesedaran diri. Ia berkait rapat dengan kesedaran hubungan antara manusia dengan pencipta, manusia lain, makhluk lain dan alam.

### **Aliran Falsafah Pendidikan**

Falsafah pendidikan tidak sekadar bertanyakan tentang asas metafizik, epistemologi dan aksiologi malah ia juga akan membincangkan berkaitan dengan pendidikan. Disamping itu, ia juga cuba memberi makna kepada konsep-konsep sejagat yang mendefiniskan proses pendidikan, konsep pendidikan, tujuan pendidikan, kurikulum, pembelajaran dan sebagainya. Tujuan atau matlamat pendidikan ialah untuk mengembangkan potensi individu dan mencapai kesedaran sendiri. Kertas kerja ini akan membincangkan tentang empat aliran pemikiran falsafah sahaja iaitu essensialisme, parennialisme, progressivisme dan eksistensialisme.

### **Esensialisme**

Pendidikan essensialisme bersifat fleksible dimana ia terbuka untuk perubahan, toleran dan tidak terikat dengan doktrin tertentu. Nilai yang jelas dan tahan lama serta guru yang memiliki sifat authoriti. Falsafah aliran ini mementingkan pembentukan peribadi dan kurikulumnya disusun dari topik yang mudah kepada yang lebih kompleks serta menekankan kemahiran 3M iaitu menulis, mengira dan membaca. Ahli-ahli essensialisme mengkaji semula perkara-perkara yang akan dimasukkan kedalam kurikulum dan membezakan program-program sekolah kepada pelajaran yang penting dan kurang penting serta membentuk authoriti guru didalam bilik darjah.

Menurut Mok Soon Sang (2004), guru menurut fahaman essensialisme hendaklah memainkan peranan yang penting dalam proses pendidikan. Mereka berperanan dalam menyampaikan ilmu pengetahuan dan mengajar mereka memperolehi keperluan dan kualiti kehidupan orang dewasa supaya mereka boleh berjaya dalam hidup. Guru juga hendaklah bersifat demokratik, kretif, mempunyai inisiatif dalam pengajaran dan mahir menggunakan taktik ganjaran dan denda kepada pelajar (Abdul Rahman dan Zakaria Kasa, 1986). Ahli-

ahli essentialisme menganggap segala inisiatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran terletak di bawah tanggungjawab guru. Guru juga hendaklah mencerminkan kebaikan sesuatu masyarakat. Oleh itu, kaedah pengajaran yang disarankan termasuklah pembacaan,, syarahan, ingatan, ulangan dan peperiksaan.

Pendidikan membolehkan setiap individu menyedari keupayaannya. Kanak-kanak akan hadir ke sekolah agar dapat memahami keadaan dunia sekelilingnya dan dapat mentafsirkannya mengikut minat dan kemahuannya. Fahaman ini mementingkan pengalaman masyarakat daripada pengalaman perseorangan. Sesuatu kebudayaan yang kompleks memerlukan sistem pendidikan yang baik, oleh itu guru yang berdisiplin dan berdedikasi dalam melaksanakan amatlah dikehendaki (Mok Soon Sang, 2010). Selain itu, kurikulum essentialisme di bahagikan kepada dua bahagian kepada mata pelajaran penting seperti matematik dan sains manakala mata pelajaran yang kurang penting ialah seni, musik, Pendidikan jasmani dan vokasional. Bahan pengajaran juga disediakan dengan sempurna dan dirancang dengan sistematik (Azizi Jaafar, 2009).

Kriteria kenaikan darjah hendaklah ditetapkan mengikut pencapaian pelajar semasa peperiksaan. Semasa di sekolah rendah lagi, pendekatan secara 3M telah dijalankan. Pendidikan essentialisme ini menyarankan penerapan nilai-nilai sosial, kebudayaan, politik, cendekiawan dan penulisan terkenal dan guru juga hendaklah mempunyai kelayakan dan kemahiran dalam bidang nilai masyarakat tradisi dan moden. Elemen-elemen yang diperlukan dalam pendidikan pula meliputi pengetahuan semasa dan masa lampau. Maka tumpuan kurikulumnya berkaitan dengan perkara yang benar-benar penting dan diperlukan. Jadi semua aktiviti ko kurikulum kurang diberi keutamaan.

## **Perennialisme**

Perennialisme berasaskan daripada falsafah tradisional yang banyak dipengaruhi oleh fahaman idealisme. Mengikut ahli perennialisme, nilai moral dan rasional manusia semakin merosot (Mok Soon Sang, 2010). Oleh itu, untuk menyelamatkan umat manusia daripada kelenyapan fungsi utama pendidikan hendaklah mengutamakan perkembangan potensi rasional individu, membantu mencari prinsip mutlak dan memahami dunia yang sebenar. Maka perennialisme memandang pendidikan sebagai jalan iaitu proses mengembalikan kebudayaan sekarang. Ahli-ahli perennialisme menganggap bahawa ciri-ciri asas semulajadi manusia berbentuk universal dan tiada had masa (Abdul Rahman dan Zakaria Kasa, 1986). Manusia itu bersifat rasional. Rasionaliti serta intelek ini hendaklah disemai melalui

pendidikan. Tujuan pendidikan adalah untuk mengajar nilai dan pengetahuan yang berbentuk universal dan tiada had masa (Azizi Jaafar, 2009). Selain itu, mereka menganggap tujuan sejagat pendidikan adalah untuk mencari dan menyebarkan kebenaran. Ini kerana, kebenaran merupakan perkara yang universal dan tidak berubah-ubah.

Maka, proses utama dalam pendidikan adalah mendisiplinkan mental dan jiwa pelajar disamping megembangkan potensi penaakulan. Oleh itu, pembacaan tulisan-tulisan agung dan bahan-bahan masa lampau merupakan tugas yang penting bagi para pelajar. Dengan pembacaan ini, secara tidak langsung pelajar dapat idea daripada pemikiran para cendekiawan. Dengan ini pelajar dapat menonjolkan bakat yang ada pada dirinya yang selama ini terpendam disebabkan tiada asuhan atau tunjuk ajar daripada pihak luar. Kurikulum parenialisme pula berpegang kepada kembali ke asal kerana yang asal itulah yang benar. Pendidikan adalah sama bagi semua orang kerana manusia mempunyai potensi yang sama dan guru mempunyai kuasa autoriti di dalam kelas. Isi kandungan kurikulum adalah tetap dan tidak berubah tetapi ia boleh menggunakan kaedah pembelajaran Socrates. Kebenaran dalam kurikulum parenialisme adalah sejarah dan sekolah merupakan agensi masyarakat yang bertujuan untuk membentuk manusia menjadi manusia yang rasional (Azizi Jaafar, 2009). Mata pelajaran yang di utamakan adalah matematik, bahasa, doktrin-doktrin dan buku-buku ternama. Ia juga menekankan 3M dalam kurikulum dan mewujudkan kelas vokasional bagi pelajar yang kurang pandai. Kaedah pengajaran yang dicadangkan adalah ingatan, pembacaan, penulisan, latih tubi dan ulangkaji.

### **Progressivisme**

Pengajaran progressive pula, mereka menggunakan pendekatan induktif dalam mencapai matlamat pendidikan kerana pendekatan induktif tidak memerlukan teori tetapi memerlukan mereka membentuk penerangan sendiri yang akan menerangkan fenomena yang didedahkan. Menurut Mok Soon Sang (2010), guru hanyalah berfungsi sebagai pembimbing atau penasihat dalam penyelesaian masalah. Kurikulum mereka memberi tumpuan kepada proses pelajaran manakala kurikulum essensialisme dan parenialisme memberi tumpuan kepada mata pelajaran (Abdul Rahman dan Zakaria Kasa, 1986). Pelajar bebas memilih dan membuat keputusan ke atas dirinya jika ianya dianggap baik. Mereka menggambarkan pendidikan adalah penghidupan dan bukan persediaan untuk hidup (Azizi Jaafar, 2009). Pencarian kebenarannya melalui pengalaman dan isi kandungan kurikulum adalah pengetahuan asas dan pengalaman. Kaedah pengajaran secara inquiri iaitu secara

penyelidikan. Kebenaran merupakan milik masyarakat. Sekolah merupakan tempat menggalakan kerjasama bukannya persaingan serta sekolah juga menggalakan demokrasi.

Pelajar akan diberikan kebebasan secara fizikal dan mental untuk mengembangkan bakat dan kemampuan yang terpendam dalam diri mereka tanpa dikekang oleh rintangan daripada orang lain (Azizi Jaafar, 2009). Oleh itu, falsafah ini tidak bersetuju dengan fahaman parenialisme dan essensialisme yang bersifat autoriti. Ini disebabkan autoriti akan mematkan pengembangan dan daya kreativiti pelajar. Fahaman ini menyatakan kurikulum yang paling wajar dilakukan ialah kurikulum yang bersifat fleksibel dan terbuka. Kurikulum jenis ini mudah diubah dan dibentuk sesuai dengan peredaran zaman. Kurikulum hendaklah berpusatkan kepada pengalaman atau eksperimen. Guru hendaklah menggalakan pelajar mengambil inisiatif sendiri dan menggunakan kaedah praktikal dan pengalaman dalam mencari ilmu pengetahuan. Hanya ilmu sains sahaja merupakan ilmu yang benar. Oleh itu, peranan guru hanyalah sekadar pembimbing dan penasihat kepada pelajar. Bagi mereka, pelajar merupakan seorang individu yang berpengalaman, berfikiran dan suka mengembara. Buku pula dianggap sebagai alat dalam proses pembelajaran dan bukan sebagai sumber pengetahuan yang tidak boleh dipersoalkan. Sekolah pula tempat pelajar bekerjasama bukannya tempat untuk bersaing.

### **Eksistensialisme**

Aliran fahaman eksistensialisme mengutamakan pembelajaran sendiri dan bukan mencari ilmu pengetahuan. Pelajar tidak seharusnya mengorbankan individualiti mereka untuk memperolehi ilmu pengetahuan. Oleh itu hanya pembelajaran yang berkesan sahaja yang mempunyai makna kepada individu berkenaan. Fokus utama kurikulum hendaklah dipindahkan daripada perkara alam dunia kepada dunia personaliti. Kurikulum eksistensialisme pula mementingkan kebebasan. Kurikulum eksistensialisme tidak tetap kerana kurikulumnya berdasarkan minat pelajar itu sendiri (Tajul dan Noraini, 1992). Pelajar akan memilih program pelajaran tanpa ada paksaan atau hasutan dari sesiapa. Guru bukan penyebar ilmu tetapi membantu pelajar berjaya dalam usaha mencari kesedaran sendiri. Mereka menyokong kaedah pembelajaran Socrates. Kebenaran eksistensialisme berakhir pada diri.

Bahan pembelajaran, cara pembelajaran, kuantiti pembelajaran dan nilai pembelajaran hendaklah ditentukan oleh pelajar itu sendiri. Keputusan yang dibuat oleh

pelajar itu sama ada betul atau silap adalah dibawah tanggungannya. Guru hendaklah menghormati pandangan dan pemilihan pelajar dan tidak mempengaruhi pelajar dalam membuat keputusan (Azizi Jaafar, 2009). Sekolah pula tempat untuk menyediakan peluang untuk memupuk kemahiran berfikir reflektif untuk menilai diri serta keupayaan disiplin diri (Abdul Rahman dan Zakaria Kasa, 1986). Ahli eksistensialisme ini tidak memberi perhatian kepada kewujudan kebenaran muktahir. Mereka menolah kebenaran adalah mutlak. Semua makna dan kebenaran adalah hak individu. Mereka menganggap semua kehidupan di dunia ini hanyalah sesuatu yang tidak bermakna (Tajul dan Noraini, 1992).

Perkara yang paling penting dalam pendidikan eksistensialisme ini ialah individu hendaklah mendidik diri sendiri dan juga berupaya membuat keputusan mengenai kelakuan, kursus yang ingin diambilnya dan kaedah pembelajaran yang dikehendakinya. Pendidikan tidak terarah kepada peningkatan intelek semata-mata tetapi perlu diberi perhatian kepada sikap, perasaan, nilai dan komponen-komponen subjektif yang lain. Menurut Mok Soon Sang (2010), mata pelajaran merupakan pengetahuan yang disusun dan bukan dianggap sebagai satu matlamat atau satu cara untuk menyediakan pelajar kepada pekerjaan. Sebaliknya ia digunakan sebagai satu cara untuk mencapai perkembangan diri. Oleh itu, dalam proses pembelajaran, seseorang itu berkuasa ke atas buku teks. Ahli-ahli fahaman ini mengatakan bahawa sukar untuk menyatakan bahawa sesuatu mata pelajaran itu penting atau tidak kerana kebaikan sesuatu mata pelajaran akan ditentukan oleh pelajar itu sendiri.

### **Falsafah Pendidikan Kebangsaan**

Falsafah pendidikan merupakan pedoman, arah tuju atau pandangan terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan pendidikan. Maka, penggubalan Falsafah Pendidikan Kebangsaan menjadi penyuluh dan pedoman kepada segala usaha mengembang dan memajukan pendidikan. Ia juga menjadi dasar dan pertimbangan asas untuk menentukan matlamat pendidikan Negara dan sebagai rujukan untuk membantu pendidik memahami sistem pendidikan Negara serta menghapuskan salah faham dan keraguan dalam melaksanakan tugas pendidikan. Falsafah Pendidikan Kebangsaan ialah seperti berikut:

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan

mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.”

(Sumber: Kementerian Pelajaran Malaysia, 2008)

Berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, dengan jelas menyatakan bahawa proses pendidikan merupakan satu usaha untuk membangunkan keseluruhan potensi individu yang merangkumi aspek jasmani, rohani, emosi dan intelektual berasaskan kepercayaan dan keyakinan kepada Tuhan (Rohana,2010). FPK berhasrat melahirkan insan yang berpegang teguh kepada agama (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1988). Dengan berpandukan FPK, segala usaha pendidikan termasuk sistem pendidikan yang sedia ada akan dapat dirancang, direformasi dan dilaksanakan untuk mencapai matlamat pendidikan

### **Implikasi Falsafah Barat ke atas Pendidikan Di Malaysia**

Menurut Tajul dan Noraini (1992), sumbangan kurikulum essentialisme yang dapat dilihat dalam perkembangan sistem pendidikan di Malaysia ialah guru sebagai model, penerapan nilai-nilai murni dalam setiap mata pelajaran, mata pelajaran di bahagikan kepada teras dan elektif dimana menggambarkan mata pelajaran penting dan kurang penting seperti pelaksanaan KBSM dan penekanan 3M dalam pelaksanaan KBSR (Abdul Rahman dan Zakaria Kasa, 1986). Pendidikan di Malaysia mempunyai matlamat untuk menyatupadukan rakyat dan dapat membekalkan pekerja-pekerja mahir untuk pembangunan ekonomi Negara serta melahirkan rakyat yang berdisiplin (Azizi Jaafar, 2009). Ketiga-tiga matlamat ini merupakan kesan daripada fahaman essentialisme yang menganggap individu sebagai alat demi kepentingan pembangunan Negara daripada kepentingan individu.

Menurut Mok Soon Sang (2010) sama seperti falsafah essentialisme, falsafah perennialisme juga mempunyai matlamat untuk menyatupadukan rakyat dan dapat membekalkan pekerja-pekerja mahir untuk pembangunan ekonomi Negara serta melahirkan rakyat yang berdisiplin. Matlamat ini dikira sebagai lebih mengutamakan Negara daripada individu itu sendiri dan ia menunjukkan sistem pendidikan lama di Malaysia bersifat tradisional. Falsafah pendidikan yang terlalu progresif tidak sesuai diserapkan dalam Dasar Pendidikan Negara kita. Jadi pemilihan beberapa prinsip falsafah perennialisme juga boleh diterima. Aliran perennialisme mementingkan nilai (Azizi Jaafar, 2009). Dengan menanam nilai-nilai kepada pelajar, mereka dapat menyeimbangkan antara pembangunan manusia sebagai insan dan kemajuan sains dan teknologi. Di samping itu, perennialisme yang rasional akan membantu melahirkan rakyat yang berkualiti. Falsafah pendidikan

kebangsaan juga mengharapkan penerapan nilai-nilai murni kepada pelajar agar mereka menjadi masyarakat yang berakhlak mulia.

Walaupun pada dasarnya falsafah pendidikan progressivisme tidak diamalkan sepenuhnya di Negara ini, tetapi secara tidak langsung kita dapat melihat perkaitannya dengan falsafah pendidikan kebangsaan iaitu untuk melahirkan masyarakat yang berilmu pengetahuan dan bertanggungjawab serta usaha untuk mewujudkan masyarakat yang maju dan berilmu. Falsafah progressivisme mahukan perkembangan pelajar dari segi intelek dan fizikal oleh itu, progressivisme memberi kuasa dan kebebasan pelajar untuk mengembangkan bakat dalam pembelajaran mereka. Ia akan melahirkan sikap yang berkeyakinan diri pelajar dan mereka akan bersedia dari segi fizikal dan mental untuk menghadapi dugaan dan cabaran pada masa akan datang (Abdul Rahman dan Zakaria Kasa, 1986). Progressivisme mementingkan operasi penyelidikan yang menjadi pemangkin pembangunan teknologi jadi fahaman aliran progressivisme dapat melahirkan masyarakat saintifik, progresif dan inovatif kerana kajian penyelidikan saintifik dipupuk secara meluas dan menyeluruh. Di dalam falsafah pendidikan juga megalakkan pelajar agar mempunyai sikap yang kreatif dan inovatif agar dapat menyumbang dalam perkembangan teknologi Negara. Sekolah merupakan tempat dimana segala ilmu penyelidikan dilakukan seperti di makmal. Pelajar bukan sahaja menerima ilmu daripada guru, malah turut melakukan penyelidikan untuk mengembangkan ilmu tersebut. Falsafah pendidikan juga mengharapkan potensi pelajar berkembang dengan menyeluruh tetapi dalam fahaman progressivisme ini, agama diketepikan. Justeru itu, falsafah pendidikan kebangsaan menyatupadukan antara perkembangan potensi pelajar yang seimbang serta unsur spiritual. Ini kerana kemajuan tanpa agama akan menyebabkan manusia hilang pedoman serta nilai dalam diri akan terhakis dan menjadikan manusia bersifat ego dan individualistik.

Falsafah pendidikan eksistensialisme mempunyai konsep yang kabur dan mendatar. Fahaman ini berkaitan dengan kebebasan dalaman untuk mengarahkan penhidupan. Kebebasan secara keseluruhan tidak sesuai dalam pendidikan di Negara ini kerana kebebasan tanpa petunjuk tidak akan dapat membawa pelajar ke destinasi yang diharapkan iaitu kepada matlamat pendidikan yang mengharapkan pelajar mencapai kesedaran sendiri. Falsafah yang berlandaskan agama adalah lebih baik dalam proses pembelajaran. Dalam fahaman ini mengajar manusia mengembangkan potensi individu untuk mencapai kesempurnaan sendiri. Falsafah eksistensialisme mangharapkan dapat mewujudkan masyarakat yang berjiwa bebas dan maju dengan keyakinan terhadap diri sendiri, bangga dengan apa yang ada serta tabah dalam menghadapi segala jenis masalah (Tajul,1992). Dalam hal ini, konsep pendidikan eksistensialisme yang baik dan berguna sahaja yang



dijadikan panduan, bukanlah perkara yang bercanggah dengan agama. Falsafah ini mengajar kita supaya bertanggungjawab atas keputusan yang dibuat tanpa menyalahkan orang lain. Falsafah pendidikan juga mengharapkan pelajar mempunyai sifat tanggungjawab kepada diri dan masyarakat. Selain itu perkembangan potensi yang menyeluruh juga disarankan tetapi dalam falsafah pendidikan, kebebasan yang diharapkan bukanlah kebebasan yang mutlak. Kebebasan yang disarankan ialah kebebasan yang mempunyai petunjuk agar manusia mempunyai hala tuju yang benar.

## **Perbincangan**

Berdasarkan penjelasan yang telah diuraikan, jelaslah bahawa terdapatnya ciri-ciri falsafah pendidikan essentialisme, perennialisme, progresivisme dan eksistensialisme dalam pembentukan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Hanya ciri-ciri yang sesuai sahaja yang akan diambil untuk diserapkan kedalam sistem pendidikan di Malaysia. Falsafah pendidikan kebangsaan adalah gabungan daripada aspek-aspek nilai yang baik yang terdapat dalam aliran falsafah pendidikan tradisional dan moden. Pendekatan falsafah pendidikan kebangsaan ini boleh dipanggil sebagai falsafah pendidikan eklektisisme yang berasal daripada perkataan *eclectic* yang membawa maksud memilih daripada pelbagai sistem atau falsafah, atau tercipta daripada pelbagai sumber (Tajul,1992). Melalui sistem pendidikan sekarang diharapkan dapat menghasilkan individu dan masyarakat yang berilmu pengetahuan, luhur dan mulia dari segi rohani, sihat dan bersih dari segi mental dan fizikal serta dapat berbakti kepada agama, bangsa dan Negara seterusnya dapat menyumbangkan tenaga kearah menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara maju pada tahun 2020.

Aliran perennialisme pula mengutamakan kerationalan dalam mengadakan matlamat sistem pendidikan untuk memperbaiki status manusia. Keharmonian, kesejahteraan dan kemakmuran sesebuah Negara amat bergantung kepada masyarakat dan rakyat yang hidup di dalamnya. Oleh itu, untuk mencapai matlamat ini, masyarakat harus memperbaiki status dan kualitinya dan dengan cara ini mereka akan dapat berfungsi dengan baik dan bukan sekadar mengejar kebendaan sahaja tetapi untuk memperbaiki diri menjadi seorang yang mencapai tahap kenali diri dan tahap kerationalan yang tinggi. Menurut Abdul Rahman dan Zakaria Kasa (1986) disamping mengejar pembangunan kemajuan sains dan teknologi, industri seharusnya mengekalkan nilai kemanusiaan yang murni. Jadi, wawasan falsafah pendidikan untuk melahirkan rakyat yang berakhlak, bermoral, beretika dan berestetika amat bertepatan dengan sebahagian pemikiran perennialisme. Dalam aliran falsafah pendidikan progressivisme pula, ia merupakan satu

hala tuju yang bebas dalam sesuatu proses pembelajaran. Mereka ingin melihat pelajar bebas membesar dan berkembang melalui pengalaman yang digunakan sebagai kaedah dalam pembelajaran. Wujud perkaitan antara falsafah progressivisme dengan falsafah pendidikan kebangsaan untuk mencapai matlamat pendidikan tetapi falsafah pendidikan kebangsaan lebih menyeluruh dalam mewujudkan masyarakat yang berilmu dan seimbang dari segi intelek, rohani, jasmani dan emosi dimana manusia diletakkan sebagai insan dan pendidikan berpaksikan Tuhan.

Sukar bagi Negara kita untuk mewujudkan sekolah yang berasaskan fahaman eksistensialisme kerana akan terjadinya individual yang akan menafikan kebebasan dan menentang kuasa. Untuk mata pelajaran eksistensialisme adalah tidak tetap dan sukar hendak ditentukan. Kaedah pendidikan yang sesuai untuk eksistensialisme ialah dialog, penyiasatan dan merenung ke dalam. Selain itu, eksistensialisme juga menolak aspek nilai teras atau metafizik dan agama. Oleh itu, penggubalan dasar falsafah pendidikan Negara hendaklah berasaskan Al-quran dan As-sunnah. Dengan ini dapatlah disepadukan aspek wahyu dalam membincangkan sesuatu perkara mengikut perspektif eksistensialisme.

## **Kesimpulan**

Falsafah barat memainkan peranan penting terhadap perkembangan pendidikan di Malaysia. Falsafah pendidikan Kebangsaan mempunyai beberapa ciri-ciri yang diterapkan dari falsafah barat. Falsafah pendidikan barat terbahagi kepada dua bahagian iaitu falsafah tradisional dan falsafah barat. Falsafah tradisional pula diri daripada essensialisme dan parenialisme manakala falsafah moden terdiri daripada progressivisme dan eksistensialisme. Kedua-dua bahagian ini mempunyai mazhab-mazhab tertentu dan secara keseluruhannya penumpuan kesemua mazhab berdasarkan faktor kurikulum, peranan guru, kaedah mengajar dan peranan murid. Di dalam falsafah pendidikan barat terdapat mazhab yang memberikan penumpuan pembinaan insan yang berketerampilan dan aspek ini juga terdapat dalam falsafah pendidikan kita. Keempat-empat falsafah yang telah dibincangkan ini boleh dikatakan sebagai asas kepada falsafah pendidikan kebangsaan. Walaubagaimanapun, falsafah-falsafah ini digabungkan dan diubahsuai mengikut keperluan Negara kita. Hanya mengambil aspek-aspek yang penting dan berguna sahaja yang diambil kira dalam penggubalan Falsafah pendidikan Kebangsaan. Falsafah pendidikan kebangsaan juga meletakkan kembali asas kepada perkembangan insan berjiwa kemerdekaan iaitu kepercayaan kepada Tuhan.

## Rujukan

- Abdul Rahman dan Zakaria Kasa (1986). *Falsafah dan Konsep Pendidikan*: edisi ketiga. Serdang: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Annick M. Brennen (1999). *Philosophy of Education*. Extension Center School of Education Northern Caribbean University.
- Azizi Jaafar (2009). *Aliran-Aliran Falsafah Pendidikan*, diambil pada 7 September, 2010, from <http://abuakhyar1.blogspot.com/>
- Dr. Tajul Ariffin bin Noordin dan Dr. Aini bte Dan (1992). *Pendidikan Dan Wawasan 2020*. Kuala Lumpur: Arena Ilmu Sdn. Bhd.
- Mok Soon Sang (2004). *Ilmu pendidikan untuk KPLI*. Edisi ketiga. Kuala Lumpur: percetakan Seasons Sdn. Bhd
- Mok Soon Sang (2010). *Falsafah dan Pendidikan Di Malaysia*. Selangor: Multimedia Marketing Sdn Bhd.
- Pusat Perkembangan Kurikulum (1988) *Falsafah Pendidikan Negara*. Kementerian Pendidikan.
- Pusat Perkembangan Kurikulum (2008) *Pengajaran kemahiran bahasa Melayu* Kementerian Pelajaran Malaysia
- Rohana Hamzah (2010). *Mengenal Manusi Asas Pembangunan Pendidikan Berkualiti*. UTM Skudai: Penerbit UTM Press.